



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE  
31 BIL. 1 TAHUN 2022  
PEMATUHAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) COVID-19 DALAM  
KALANGAN PELAJAR DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pelajar yang dikasihi,

1. Merujuk pada surat Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi nombor rujukan: JPT.S(G)2000/016/018/065 Jld.2 (30) berkenaan Arahan Pematuhan Prosedur Standard Operasi (SOP) Covid-19 Dalam Kalangan Pelajar dan kakitangan Di Institusi Pendidikan Tinggi, menyatakan bahawa semakin banyak kluster baharu COVID-19 di sektor pendidikan tinggi yang melibatkan pelajar dan kakitangan di institusi pendidikan tinggi (IPT) telah terbentuk.
2. Amnya, kluster ini adalah susulan daripada aktiviti perhimpunan sosial, sukan, riadah dan kecuaiian warga IPT dalam mematuhi prosedur operasi standars (SOP) yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, JPT menegaskan agar pelaksanaan bagi sebarang program/aktiviti dalam universiti hendaklah mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
3. Sehubungan dengan itu, pemakluman rasmi yang disenaraikan adalah masih berkuatkuasa iaitu:-
  - i. **Pemakluman Rasmi Krisis Covid-19 : Bilangan 24 Tahun 2021** – Prosedur Operasi Standard (SOP) Masuk Ke Kampus Bagi Pelajar Sepanjang Tempoh Pandemik Covid-19 Termasuk Kehadiran Semula Selepas Balik Kampung Sempena Cuti Pertengahan Semester 1 2021/2022

- li. **Pemakluman Rasmi Krisis Covid-19 : Bilangan 25 Tahun 2021** – Arahan Mewajibkan Pelaksanaan Aplikasi UMP*Trace* Melalui Pengesanan Di Semua Premis Dan Lokasi Dalam Kampus
  - lii. **Pemakluman Rasmi Krisis Covid-19 : Bilangan 26 Tahun 2021** – Keberadaan Pelajar Di Dalam Kampus Selepas Tengah Malam
  - lv. **Pemakluman Rasmi Krisis Covid-19 : Bilangan 28 Tahun 2021** – Keberadaan Kembali Ke Kampus Bagi Pelajar Yang Dibenarkan Keluar Kampus Termasuk Tujuan Balik Kampung Sempena Cuti Pertengahan Semester 1 2021/2022
  - v. **Pemakluman Pentadbiran Dan Operasi Pengurusan Pelajar Kali Ke 27 Bil. 27 Tahun 2021** – Tatacara Permohonan Keluar Masuk Residen Pelajar Universiti Malaysia Pahang
  - vi. **Pemakluman Pentadbiran Dan Operasi Pengurusan Pelajar Kali Ke 29 Bil. 28 Tahun 2021** – Tatacara Masuk Ke Kampus Bagi Pelajar Yang Tinggal Di Luar Kampus Bagi Pelajar Yang Tinggal Di Luar Kampus Universiti Malaysia Pahang
4. Perlu diingatkan agar **semua pelajar** (dalam/luar kampus) sentiasa jujur dalam membuat ujian sendiri Covid-19 atau isytihar status kesihatan masing-masing dalam usaha membendung penularan wabak Covid-19 di dalam kawasan kampus. Pelajar juga perlu sentiasa mengamalkan kebiasaan baharu dengan sentiasa mengemaskini dan mencatat perkara dibawah di dalam aplikasi ADAB masing-masing iaitu;
- Keputusan Ujian Kendiri Covid-19
  - Mengimbas UMP Trace sebelum memasuki mana-mana premis dalam kampus
  - Bacaan imbasan suhu badan
  - Sentiasa semak pemakluman terkini berkenaan Covid-19


5. Sebagai langkah kawalan tambahan semua pelajar dikehendaki sentiasa melakukan TRIIS (Test, Report, Inform, Isolate, Seek) bagi mengawal dan mencegah jangkitan dan penularan Covid-19 dalam kampus.
- i. (T-Test) - Segera lakukan ujian saringan Covid-19 secara sendiri sekiranya alami simptom-simptom jangkitan seperti selsema, demam, batuk dan lain-lain.
  - ii. (R-Report) - Laporkan keputusan saringan secepat mungkin di aplikasi CoSMoS / My Sejahtera / Aplikasi ADAB.
  - iii. (I-Inform) - Jika didapati positif, maklum & lapor semua kontak rapat kepada pihak Pusat Kesihatan Universiti. Maklum pihak berwajib/CAC jika kesihatan semakin merosot.
  - iv. (I-Isolate) – Sekiranya didapati positif patuh untuk lakukan kuarantin/pengasingan sendiri dengan penuh disiplin supaya tidak membahayakan orang sekeliling.
  - v. (S-Seek) - Dapatkan rawatan segera di Pusat Kesihatan Universiti jika alami gejala berat seperti sukar bernafas & suhu badan terlalu tinggi.
6. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Bilik Gerakan UMP seperti berikut, Kampus Gambang (09-549 3333) dan UMP Pekan (09-424 6999) atau melalui emel [admin\\_jhepa@ump.edu.my](mailto:admin_jhepa@ump.edu.my).

Sekian Terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

*"Memasyarakatkan Teknologi"*

Saya yang menjalankan amanah.



**HARYANI BINTI ABDULLAH**

Pengurus Besar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 5 Januari 2022

s.k Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi

Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan

Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita